

23/09/1999

Timor Timur: Bantuan Malaysia tidak berbau politik

Mahadzir Mohd Khir

MALAYSIA tidak mempertikaikan pelantikan Thailand sebagai pemimpin kedua dalam misi pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membuat kenyataan itu berikutan ramalan awal yang menyebut pegawai tentera Malaysia akan diberi tugas sebagai 'orang kedua' selepas Australia. Malah, Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Datu Mustapha, pada 17 September lalu dengan bangganya membuat kenyataan mengenai kemungkinan Malaysia diberi kepercayaan menjawat tugas itu. Bagaimanapun, menerusi perbualan telefon Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dengan Dr Mahathir, PBB menetapkan Thailand diberi tugas itu.

Soalnya mengapa keadaan ini berlaku? Adakah kesilapan Annan atau Abang Abu Bakar? Atau adakah pada mulanya Malaysia ditetapkan, tetapi pada saat-saat akhir pelantikan itu ditukar? Sekiranya ini berlaku, apakah perkiraan Annan sebenarnya. Apakah mungkin kerana Malaysia dianggap sebagai rakan terdekat dan rapat dengan Indonesia? Juga, apakah tidak mungkin Annan didesak oleh pihak tertentu dan mungkin juga Amerika Syarikat terbabit dalam perkiraan itu? Semuanya masih menjadi tanda tanya. Dalam keadaan Timor Timur mendesak dan memerlukan pertolongan, masih ada perkiraan 'politik'.

Di sini bukan bertujuan untuk membangkit sebarang kontroversi, tetapi sekadar mempertikai tindakan Annan ketika melaksanakan tugasnya sebagai Setiausaha Agung PBB. Pada hal jika hendak diambil kira rekod sumbangan tentera Malaysia dalam misi keamanan PBB di Somalia, Bosnia-Herzegovina, Kemboja dan negara lain, Malaysia mempunyai rekod yang cemerlang. Malah, sumbangan negara dalam misi di Congo, Afrika pada 1960-an, menempa rekod yang baik.

Bagaimanapun, soal pelantikan sudah pun dibuat, cuma apa yang diharapkan semua anggota pasukan Malaysia selamat. Siapa nombor dua atau nombor satu, tidak menjadi isu asalkan keadaan di Timor Timur dapat diselamatkan dan dipulihkan.

Keadaan di Timor Timur kini kian bertambah gawat dan meruncing. Bermula dari hasil pungutan suara yang dikehendalikan oleh PBB bagi menentukan sama ada wilayah itu, yang menjadi sebahagian provinsi republik Indonesia diberi kemerdekaan atau masih kekal sebagai provinsi autonomi Indonesia. Keputusannya ialah untuk merdeka dari Indonesia. Pada masa sama, walaupun pungutan suara dibuat, tetapi secara perundangannya, ia masih perlukan pengesahan daripada Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) yang akan bersidang pada November ini sebagai kata putus. Oleh itu dari minggu pertama September sehingga November ia masih dianggap sebagai di bawah jagaan kuasa Indonesia.

Keadaan menjadi kecoh, yang mana menurut laporan, berlaku keganasan serta pembunuhan beramai-ramai dipercayai akibat tindakan golongan yang masih setia kepada Jakarta. Mereka tidak sanggup melihat wilayah itu berpisah daripada negara induk iaitu Indonesia. Peristiwa yang berlaku sekarang dianggap ulangan cerita yang berlaku pada 1975.

Dua episod keganasan di Timor Timur adalah berkaitan dengan kemerdekaannya. Pertama ialah sewaktu Timor Timur hendak dibebaskan daripada Portugis pada 1975, apabila Fretilin, puak pemisah yang berideologikan komunisme pernah melakukan kekejaman. Menurut sesetengah cerita, berlaku keganasan dan kekejaman pembunuhan, memotong kepala dan bahagian tubuh manusia. Cerita yang sama, iaitu pembunuhan beramai-ramai

secara kejam berlaku semula selepas pungutan suara awal bulan ini. Cerita kekejaman dan keganasan nampaknya berulang semula. Pokoknya ialah penyalahgunaan politik yang boleh dianggap sebagai tidak mengenal kemanusiaan. Akibatnya, mereka yang tidak berdosa tersepit dan menjadi mangsa percaturan politik dalaman dan antarabangsa.

Timor Timur sudah sekian lama, iaitu sejak abad ke-16 lagi, di bawah kuasa kolonial Portugis. Wilayah Barat pulau itu juga pernah di bawah kuasa Belanda, tetapi ia kembali semula sebagai sebahagian daripada republik Indonesia selepas kemerdekaannya. Timor Timur hanya diambil alih oleh Indonesia pada Disember 1975, selepas pihak tentera bertempur dan berjaya menguasai bahagian berkenaan.

Apakah hal ini yang menjadikan penunjuk perasaan di Jakarta mengungkit bahawa Timor Timur menjadi sebahagian republik Indonesia atas pengorbanan perajurit mereka pada ketika itu? Dengan kata lain ia dianggap sebagai milik Indonesia dan adalah wilayahnya. Di samping itu, pada pandangan mereka mungkin diterjemahkan sebagai bahagian Indonesia diceraikan daripada induknya.

Begitu juga dengan wilayah Irian Jaya yang pernah dikuasai oleh Indonesia ketika pemerintahan Presiden Soekarno pada 1960-an. Sementara wilayah Timor Timur dikuasai oleh Indonesia ketika zaman Presiden Suharto. Tetapi pada peringkat awal pemerintahan Presiden BJ Habibie, pihaknya kehilangan sebuah wilayah. Selepas ini apakah tidak mungkin wilayah lain juga akan turut mendesak untuk mendapatkan kuasa autonomi dan kemerdekaan? Puncanya ialah apabila mula ada kelemahan di peringkat Pusat, ditekan pula desakan serta percaturan politik antarabangsa.

Sebagai membangkitkan imaginasi, apakah akan diungkapkan oleh mereka yang sudah pergi seperti Soekarno, Hatta, Adam Malik, Jeneral Sudirman dan anggota revolusioner lain mengenai Indonesia hari ini? Mungkin mereka bertanya di manakah perginya semangat Pancasila dan Bhineka Tunggal Ika.

Semua ini terpaksa dihadapi oleh Habibie. Ia bermula dengan desakan daripada kumpulan reformasi yang cuba mengubah suasana dan kestabilan ekonomi Indonesia yang mula goyang akibat desakan percaturan politik antarabangsa yang bersifat unipolar.

Akhirnya akibat kegawatan ekonomi yang tidak terkawal, Suharto terpaksa tunduk kepada tekanan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Pemberhentian Suharto daripada jawatan Presiden, pada mulanya dianggap akan menyelesaikan masalah politik dalaman. Habibie yang mengambil alih tugas mengharap kestabilan, sesudah diadakan pemilihan umum (Pemilu) pada Jun yang lalu. Tetapi nampaknya peletakan jawatan Suharto dan pilihan raya tidak membawa penyelesaian politik, malah ia menjadi kian kusut dan kompleks untuk diatasi.

Dalam Pemilu lalu juga, Golkar yang menjadi teraju pemerintahan Indonesia menerima kekalahan. Parti Demokratik Indonesia Perjuangan (PDI-P) pimpinan Megawati Soekarno, mendapat kemenangan 153 kerusi Dewan Permesyuaratan Rakyat (DPR) manakala Golkar mendapat 120 dan selebihnya oleh parti lain.

Pihak tentera diperuntukkan 38 kerusi dan proses penentuan jawatan itu akan diputuskan MPR November ini. Dalam keadaan yang belum menentu, Presiden Habibie yang pada mulanya dilihat sebagai mempunyai potensi menjawat jawatan itu, kini nampaknya sudah tercabar akibat kemelut Timor Timur yang mengurangkan harapannya.

Pada awalnya Habibie berasakan pihaknya dapat mengawal suasana di pulau itu, tetapi ternyata gagal untuk mententeramkan keadaan. Presiden Habibie sekali lagi tunduk kepada desakan itu. Mungkin pihaknya tidak ada pilihan, walaupun beliau sebenarnya tersepit antara desakan politik antarabangsa dan dalaman yang mendesak Jakarta tidak mengizinkan tentera asing di Timor Timur.

Di sudut politik antarabangsa, Australia yang menjadi jirannya di selatan memperlihatkan sikap `prihatin' dan `beria-ia' ingin membantu. Banyak persoalan boleh dibangkitkan; apakah tidak mungkin ini dianggap sebagai peluang untuk mobilisasi tenteranya.

Di samping itu Amerika pula akan memberi sokongan sama ada berbentuk tentera atau moral sebagai isyarat kepada negara-negara lain terutamanya Asean bahawa `kami memerhati kamu'.

Keadaan seperti ini membayangkan bahawa diplomasi kekuatan tentera, seolah-olah seperti adanya `white man surpemacy'. Dalam soal krisis seperti ini mengapa negara-negara Asean tidak diberi peluang untuk menentukannya atau setidak-tidaknya oleh negara-negara Asia yang lain?.

Mungkin secara tidak langsung, masalah Timor Timur akan berkesudahan seperti apa yang berlaku antara Palestin dan Israel. Ini kerana Timor Timur mempunyai kekayaan sumber alam, terutama sekali minyak.

Kesimpulannya, politik dalaman yang berpunca daripada kemerosotan ekonomi menyebabkan kegawatan politik. Selanjutnya politik antarabangsa cuba mengambil peluang menghimpit serta menjejaskan kedaulatan Indonesia.

Sehubungan itu, tentera Malaysia sebagai memenuhi tanggungjawab kemanusiaan cuba menyumbang ke arah penyelesaian untuk mewujudkan semula kedamaian di Timor Timur. Niat Malaysia jelas dan tidak berbau politik. Malaysia sekadar membantu jirannya yang berada dalam kesusahan.

\* Profesor Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir ialah pensyarah di Universiti Malaya

(END)